

Tun M dakwa pengguguran pencalonan tak sah

Alor Setar: Tun Dr Mahathir Mohamad mendakwa penggugurannya sebagai calon pada pemilihan kepemimpinan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) sebagai tidak sah.

Beliau berkata, mahkamah belum membuat sebarang keputusan berhubung status keahliannya dalam parti.

Bekas Perdana Menteri juga mendakwa, pengguguran pencalonannya bagi jawatan pengerusi parti serta tindakan sama yang diambil ke atas beberapa pemimpin lain dibuat tanpa mengikut Perlembagaan BERSATU yang ditetapkan.

Berikutan itu, Ahli Parlimen Langkawi itu mendakwa beliau dan pemimpin lain yang digugurkan sebagai calon pemilihan parti masih layak bertanding kerana sudah dicalonkan sebelum ini.

“Pengguguran (pencalonan) ini tidak sah, kami masih ahli (BERSATU) melainkan mahkamah kata pengguguran ini sah. Kami masih anggap kami sebagai ahli dan mahu bertanding jawatan (pemilihan BERSATU).”

“Pencalonan kami (jawatan pengerusi) digugurkan tanpa ada lawan,” katanya ketika ditemui selepas program BERSATU Blackout di sini, kelmarin.

Keahlian Dr Mahathir bersama bekas Menteri Besar Kedah, Da-



Kami tidak peduli apa (mereka) hendak buat kerana (pengguguran pencalonan) itu tidak ikut Perlembagaan.

**Dr Mahathir Mohamad,
Bekas Perdana Menteri**

tuk Seri Mukhriz Mahathir dalam BERSATU tergugur kerana duduk di bangku pembangkang ketika persidangan pembukaan Dewan Rakyat pada 18 Mei lalu.

Yang turut tergugur keahlian adalah bekas Ketua Angkatan Bersatu Anak Muda (ARMADA), Syed Saddiq Syed Abdul Rahman; bekas Ahli Majlis Pimpinan Tertinggi (MPT) BERSATU, Dr Maszlee Malik dan Ahli Parlimen Kubang Pasu, Datuk Amiruddin Hamzah.

Berikutan itu, pencalonan Dr Mahathir bagi jawatan pengerusi, Mukhriz bagi jawatan timbalan presiden dan Syed Saddiq ba-

gi jawatan Ketua ARMADA untuk pemilihan BERSATU, turut tergugur.

Dr Mahathir berkata, beliau akan terus berusaha dan sedang merancang melakukan tindakan susulan bagi mengekalkan kedudukannya dalam BERSATU.

“Kami tidak peduli apa (mereka) hendak buat kerana (pengguguran pencalonan) itu tidak ikut Perlembagaan. Kalau hendak gugur kena bawa pindaan kepada MPT,” katanya.

Sementara itu, Mukhriz yang juga Ahli Parlimen Jerlun, berkata semua pihak perlu menunggu mahkamah membuat kepu-

tusan berhubung status keahlian mereka dalam BERSATU pada 7 Ogos depan.

“Kita tidak iktiraf soal pengguguran (sebagai calon pemilihan parti). Mahkamah belum buat keputusan (status keahlian) dan keputusan akan berlaku pada 7 Ogos,” katanya.

Pada Khamis lalu, Jawatankuasa Pemilihan Parti (JPP) BERSATU memaklumkan Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu masing-masing menang tanpa bertanding jawatan presiden dan timbalan presiden.

Berdasarkan senarai calon layak bertanding yang dikeluarkan JPP, hanya nama Perdana Menteri dan Menteri Besar Perak itu disenaraikan sebagai calon bagi mengisi jawatan presiden dan timbalannya.

Pengerusi JPP, Tan Sri Syed Hamid Albar dilaporkan berkata, pengumuman rasmi untuk kedua-dua jawatan itu bagaimanapun dibuat selepas semua bahagian bersidang pada 22 Ogos ini.

Mesyuarat MPT BERSATU sebelum ini memutuskan persidangan peringkat bahagian pada 22 Ogos, ARMADA bahagian pada 15 Ogos dan Srikandi pada 16 Ogos. Perhimpunan Agung Tahunan BERSATU pula ditetapkan pada 27 September ini.